

Timbalan ketua pengarah kesihatan nafi dipindahkan, terus rawat Anwar

The Malaysian Insider

Oct 7, 2015

Oleh Nabihah Hamid

Datuk Dr S. Jeyaindran Sinnadurai yang mengetuai panel pakar bertanggungjawab merawat bekas ketua pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim menafikan khabar angin beliau kononnya dipindahkan ke jabatan lain.

Timbalan ketua pengarah kesihatan itu sebaliknya berkata beliau akan melawat Anwar hari ini bagi mengetahui keadaan terkini ketua umum PKR itu.

"Tidak ada, saya masih di sini. Saya akan ke penjara untuk melawat Anwar," katanya ketika dihubungi The Malaysian Insider.

Sebelum ini, terdapat ura-ura mengatakan beliau ditukar ke pejabat lain dan tidak lagi berperanan sebagai ketua kepada panel 17 pakar yang merawat Anwar.

Dr Jeyaindran mencetuskan kebimbangan keluarga Anwar kerana dianggap tidak profesional memandangkan beliau juga merupakan salah seorang saksi dalam kes liwat 2.

Anak sulung Anwar, Nurul Izzah, menuntut Dr Jeyaindran digugurkan sebagai ketua panel kerana tidak yakin dengannya.

Namun, Dr Jeyaindran (gambar, kanan) menangkis dakwaan tersebut dan menegaskan peranan beliau adalah mengkoordinasi 17 pakar tersebut, malah hubungannya dengan Anwar adalah sepertimana sebagai seorang doktor dengan pesakit.

Anwar kini menjalani hukuman penjara 5 tahun di Penjara Sungai Buloh selepas didapati bersalah oleh Mahkamah Persekutuan pada Februari.

Beliau disabitkan meliwat bekas pembantunya, Mohd Saiful Bukhari Azlan pada 2008, tuduhan kedua dikenakan ke atas beliau sejak dipecat dari kerajaan pada 1998.

Keluarga Anwar dan peguam sebelum ini mendesak Putrajaya memberi rawatan segera di hospital memandangkan beliau kini menderita serta mengalami kekurangan berat badan, tekanan darah tidak menentu, gastrik, artritis dan otot bahu terkoyak. – 7 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/timbalan-ketua-pengarah-kesihatan-nafi-dipindahkan-terus-rawat-anwar>